

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29, S32, S38, S40.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional/Kementerian Kesihatan Malaysia/Jabatan Kerja Sosial Perubatan di hospital-hospital kerajaan di seluruh Malaysia.

3. RINGKASAN TUGAS

Membantu merancang, menyelaras, melaksana dan memantau penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT), memperluaskan Skim Rondaan Sukarela (SRS), Tabika Perpaduan (TP) dan Taska Permata Perpaduan (TPP), mengumpul maklumat iklim perpaduan, mengesan isu-isu sensitif keagamaan, bertindak terhadap isu-isu yang boleh mengancam keselamatan negara, merangka dan melaksanakan program/aktiviti yang mampu mencegah, mencecah dan memulih keadaan yang menggugat keselamatan negara khususnya dan komuniti setempat amnya. Berusaha mempertingkatkan kesefahaman masyarakat setempat terhadap kepentingan integrasi nasional, patriotisme dan hubungan antara etnik berlandaskan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan. Membantu Pegawai Pembangunan Masyarakat dalam memberi perkhidmatan biopsikososial kepada pesakit semasa menjalani rawatan dan proses pemulihan serta membantu memulihkan kefungsi sosial agar pesakit menjadi lebih produktif, berdikari dan dapat kembali kepada komuniti selaras dengan batas keupayaan mereka.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29

4.1.1. Aspek Keselamatan Sosial

a. Rukun Tetangga (RT)

- i. Membantu, merancang, pelaksanaan dan pengawasan perjalanan RT termasuk proses penubuhan dan pembatalan RT di daerah.

- b. Skim Rondaan Sukarela (SRS)
 - i. Membantu, merancang, pelaksanaan dan pengawasan perjalanan SRS termasuk proses penubuhan dan pembatalan SRS di daerah.
- c. Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau Social Stress Index (SSI)
 - i. Mengumpul maklumat berkaitan dengan iklim perpaduan melalui Laporan isu/konflik semasa di peringkat daerah/bahagian melalui sistem e-sepakat, internet, media cetak dan media elektronik.
 - ii. Membantu mengenal pasti isu dan masalah yang berkemungkinan boleh mengancam keselamatan negara dan menggugat perpaduan.

4.1.2. Aspek Perpaduan Masyarakat

- a. Kejiranan
 - i. Membantu melaksanakan aktiviti-aktiviti kejiranan dan perpaduan di peringkat komuniti.
- b. Pendidikan Perpaduan
 - i. Membantu melaksanakan program-program perpaduan di peringkat komuniti setempat seperti Pendidikan Sepanjang Hayat.
- c. Pengurusan Perpaduan
 - i. Mengesan dan mengenal pasti isu-isu konflik di komuniti setempat.
 - ii. Membantu menyelesaikan isu konflik di komuniti setempat melalui Mediasi Komuniti.
- d. Perhubungan Agama
 - i. Membantu mengesan dan mengenal pasti isu-isu sensitif yang menyentuh sensitiviti keagamaan pelbagai kaum di daerah/bahagian yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat.

- ii. Mengumpul maklumat berkaitan dengan isu-isu agama melalui laporan isu/konflik di peringkat daerah/ bahagian melalui sistem e-sepakat, internet, media cetak dan media elektronik.
- iii. Membantu menganalisa Indeks Toleransi Agama berdasarkan pengumpulan maklumat/data isu-isu berkaitan dengan agama yang dijalankan di daerah/ bahagian.

4.1.3. Aspek Bina Negara

- a. Kelab Rukun Negara (KRN), Sekretariat Rukun Negara (SRN), Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)
 - i. Membantu merancang pelaksanaan aktiviti KRN, SRN dan RIMUP di sekolah-sekolah dan IPTA/IPTS di peringkat negeri melalui program-program berbentuk seminar, simposium dan konvensyen.
- b. Hubungan Etnik
 - i. Membantu meningkatkan kesefahaman hubungan di antara etnik.
- c. Perlembagaan
 - i. Membantu meningkatkan kesefahaman komuniti setempat mengenai isu-isu agama, kewarganegaraan, bahasa, hak keistimewaan bumiputera dan institusi Raja-raja Melayu sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
- d. Patriotisme
 - i. Membantu merancang aktiviti-aktiviti meningkatkan semangat patriotism dikalangan komuniti setempat.
- e. Integrasi Nasional
 - i. Membantu, merancang, dan melaksanakan program-program kesedaran terhadap integrasi nasional.

4.1.4. Aspek Perkhidmatan Kepada Pesakit

- a. Membantu Pegawai Pembangunan Masyarakat untuk pendaftaran kes dan menyimpan rekod-rekod pesakit.
- b. Mengadakan temu bual dengan pesakit/keluarga untuk mendapatkan gambaran dan maklumat tentang pesakit dan penyakitnya.
- c. Membuat lawatan ke rumah pesakit. Tujuan lawatan ke rumah pesakit adalah untuk:
 - i. Mengidentifikasi disfungsi pesakit/sistem sokongan pesakit (social support).
 - ii. Mendapatkan maklumat yang lebih lengkap untuk menyediakan laporan penilaian sosio-ekonomi.
 - iii. Mengesan keluarga pesakit dan mengesahkan maklumat yang diperolehi.
 - iv. Mewujudkan/mengukuhkan perhubungan dengan pesakit dan keluarga.
 - v. Melihat kesesuaian peralatan/bantuan yang diberikan.
 - vi. Merancang discaj pesakit serta memastikan *compliance* rawatan dan pemulihan pesakit.
 - vii. Mengenal pasti halangan-halangan dan limitasi keupayaan pesakit dalam menjalani proses rawatan.
 - viii. Memberi pendidikan tentang rawatan kesihatan (family education) serta sokongan emosi kepadapesakit dan keluarga.
 - ix. Mengenal pasti masalah-masalah sampingan.
 - x. Menyelia *social management* dan membuat *follow up* selepas pesakit discaj dari hospital.
- d. Membantu Pegawai Pembangunan Masyarakat dalam tugas *liaison* antara pihak hospital dengan agensi-agensi kerajaan lain dan *NGOs* dalam masyarakat yang berkaitan dengan jabatan dan tugas.

- e. Membantu Pegawai Pembangunan Masyarakat mengesan waris pesakit terdampar.
- f. Membantu Pegawai Pembangunan Masyarakat menguruskan kes-kes yang dirujuk untuk bantuan terapi sokongan dan bantuan praktik:
 - i. Menolong mengendalikan khidmat nasihat kepada pesakit dan keluarga.
 - ii. Bantuan kewangan dan alat-alat tiruan.
 - iii. Menguruskan kemasukan ke sekolah-sekolah/ pusat-pusat latihan/penempatan sementara.
- g. Menghadiri *ward round* bersama dengan *medical team* (Pakar Perubatan) yang berperanan sebagai *multi disciplinary team*.

4.2 Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S32

4.2.1 Aspek Keselamatan

- a. Rukun Tetangga (RT)
 - i. Menyelaras pelaksanaan dan pengawasan perjalanan RT termasuk proses penubuhan dan pembatalan RT di daerah.
- b. Skim Rondaan Sukarela (SRS)
 - i. Menyelaras pelaksanaan dan pengawasan perjalanan SRS termasuk proses penubuhan dan pengendalian SRS di daerah.
- c. Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau *Social Stress Index* (SSI)
 - i. Menyaring maklumat iklim perpaduan yang diterima melalui sistem e-sepakat, internet, media cetak dan media elektronik.

4.2.2 Aspek Perpaduan Masyarakat

- a. Kejiranan
 - i. Menyelaras pelaksanaan aktiviti kejranaan dan perpaduan di peringkat komuniti.
- b. Pendidikan Perpaduan
 - i. Menyelaras dan melaksanakan program-program perpaduan berbentuk pendidikan seperti Tabika Perpaduan di kalangan komuniti di peringkat negeri dan daerah/bahagian.
- c. Pengurusan Perpaduan
 - i. Menyediakan laporan isu/konflik yang dikesan berlaku dalam komuniti setempat.
 - ii. Menyelesaikan isu/konflik yang dikesan berlaku dalam komuniti setempat melalui Mediasi Komuniti.
- d. Perhubungan Agama
 - i. Membantu menyelia pengesanan isu-isu sensitif yang menyentuh sensitiviti keagamaan pelbagai kaum di daerah/bahagian yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat.
 - ii. Mengumpul maklumat berkaitan dengan isu-isu agama melalui laporan isu/konflik di peringkat daerah/bahagian melalui sistem e-sepakat, internet, media cetak dan media elektronik.
 - iii. Membantu menganalisa Indeks Toleransi Agama berdasarkan pengumpulan maklumat/data isu-isu berkaitan dengan agama yang dijalankan di daerah/bahagian.

4.2.3 Aspek Bina Negara

- a. Kelab Rukun Negara (KRN), Sekretariat Rukun Negara (SRN), Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)

- i. Merancang pelaksanaan aktiviti KRN, SRN dan RIMUP di sekolah-sekolah, IPT di peringkat daerah dan negeri.
- b. Hubungan Etnik
 - i. Menjalin kesefahaman hubungan di antara etnik dalam masyarakat.
- c. Perlembagaan
 - i. Meningkatkan kesefahaman komuniti setempat mengenai isu-isu agama, kewarganegaraan, bahasa, hak keistimewaan bumiputera dan institusi Raja-raja sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan.
- d. Patriotisme
 - i. Merancang aktiviti-aktiviti yang meningkatkan semangat patriotisme di kalangan komuniti setempat.
- e. Integrasi Nasional
 - i. Merancang, meningkatkan program kesedaran terhadap integrasi nasional.

4.2.4 Aspek Perkhidmatan Kepada Pesakit

- a. Menjalankan penilaian biopsikososial ke atas pesakit/keluarga/waris dan pihak-pihak lain yang berkaitan untuk mengenal pasti masalah dan diagnosis sosial yang dihadapi oleh pesakit yang dirujuk untuk mendapatkan maklumat tentang keperluan pesakit.
- b. Terlibat dalam perbincangan dengan Pegawai Perubatan/Pakar/lain-lain *Allied Health Professional* tentang keperluan pesakit yang dirujuk.
- c. Menjalankan intervensi bantuan praktikal mengikut keperluan pesakit:
 - i. Sokongan kewangan dari segi keperluan rawatan, peralatan perubatan, ubat-ubatan, prostesis dan ortosis, implan, *diet* khas, pengangkutan dan peralatan sokongan rehabilitasi.

- ii. Rawatan kepakaran lanjutan (penyakit jantung) seperti di Institut Jantung Negara (IJN) dan di Hospital Nayarana, Bangalore, India.
 - iii. Kemudahan penginapan sementara semasa dalam proses rawatan seperti di *halfway house* dan Balai Pelawat Hospital.
 - iv. Penempatan institusi.
 - v. Kemudahan sumber bagi rawatan haemodialisis di luar hospital.
 - vi. Networking dengan pihak GO's dan NGO's.
 - vii. Bantuan segera semasa pesakit dalam situasi krisis dan trauma.
- d. Membuat perancangan discaj mengikut keperluan pesakit.
- e. Membuat lawatan ke rumah pesakit untuk:
- i. Mengidentifikasi disfungsi pesakit/sistem sokongan pesakit (social support).
 - ii. Mendapatkan maklumat yang lebih lengkap untuk menyediakan laporan penilaian sosio-ekonomi.
 - iii. Mengesan keluarga pesakit dan mengesahkan maklumat yang diperolehi.
 - iv. Mewujudkan/mengukuhkan perhubungan dengan pesakit dan keluarga.
 - v. Melihat kesesuaian peralatan/bantuan yang diberikan.
 - vi. Merancang discaj pesakit serta memastikan *compliance* rawatan dan pemulihan pesakit.
 - vii. Mengenal pasti halangan-halangan dan limitasi keupayaan pesakit dalam menjalani proses rawatan.
 - viii. Membuat *follow up* selepas pesakit discaj dari hospital.
- f. Menyediakan laporan sosio-ekonomi pesakit.

- g. Menguruskan permohonan Tabung Bantuan Perubatan (TBP), Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pesakit yang miskin dan kurang berkemampuan.
- h. Menghadiri *ward round* bersama dengan *medical team* (Pakar Perubatan) yang berperanan sebagai *multi disciplinary team*.
- i. Mengesan waris pesakit terdampar.

4.2.5. Aspek Penyelidikan dan Pembangunan

- a. Terlibat dalam penyelidikan tentang aspek-aspek biopsikososial yang sering dialami oleh pesakit.
- b. Penglibatan dalam aktiviti kualiti hospital seperti QA, ISO, Akreditasi, Inovasi dan lain-lain.

4.3 Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S38

4.3.1 Aspek Keselamatan

- a. Rukun Tetangga (RT)
 - i. Memantau dan menyemak pelaksanaan dan pengawasan perjalanan RT termasuk proses penubuhan, pengendalian dan pembatalan RT di daerah.
- b. Skim Rondaan Sukarela (SRS)
 - i. Memantau dan menyemak pelaksanaan dan pengawasan perjalanan SRS termasuk proses penubuhan dan pengendalian SRS di daerah.
- c. *Social Stress Index* (SSI)
 - i. Menganalisis maklumat-maklumat berkenaan keharmonian masyarakat yang dikesan dan melaporkan maklumat tersebut melalui sistem e-sepakat sebagai asas untuk mengetahui iklim perpaduan.

4.3.2 Aspek Perpaduan Masyarakat

- a. Kejiranan
 - i. Memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti kejrangan dan perpaduan dalam komuniti di peringkat daerah/bahagian.
- b. Pendidikan Perpaduan
 - i. Memantau pelaksanaan program-program perpaduan di peringkat komuniti setempat.
- c. Pengurusan Perpaduan
 - i. Merangka tindakan dan langkah pencegahan isu-isu konflik di komuniti setempat.
 - ii. Memantau dan mengambil tindakan susulan mengenai isu konflik yang berlaku.
- d. Perhubungan Agama
 - i. Mengambil tindakan pemulihan terhadap isu-isu sensitif yang menyentuh sensitiviti keagamaan.
 - ii. Membantu menyelia pengesanan isu-isu sensitif yang menyentuh sensitiviti keagamaan pelbagai kaum di daerah/bahagian yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat.
 - iii. Mengumpul maklumat berkaitan dengan isu-isu agama melalui laporan isu/konflik di peringkat daerah/bahagian melalui sistem e-sepakat, internet, media cetak dan media elektronik.
 - iv. Membantu menganalisa Indeks Toleransi Agama berdasarkan pengumpulan maklumat/ data isu-isu berkaitan dengan agama yang dijalankan di daerah/bahagian.

4.3.3 Aspek Bina Negara

- a. Kelab Rukun Negara (KRN), Sekretariat Rukun Negara (SRN), Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)
 - i. Memantau pelaksanaan aktiviti KRN, SRN dan RIMUP di peringkat daerah dan bahagian.
- b. Hubungan Etnik
 - i. Memperkukuhkan kesefahaman hubungan di antara etnik melalui program-program silang budaya dan hemah kerja.
- c. Perlembagaan
 - i. Menyelia dan meningkatkan kefahaman AJK RT mengenai isu-isu agama, kewarganegaraan, bahasa, hak keistimewaan bumiputera dan institusi Raja-raja sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan melalui simposium, seminar dan konvensyen.
- d. Patriotisme
 - i. Menyelia dan memastikan aktiviti-aktiviti yang meningkatkan semangat patriotisme dikalangan komuniti setempat dijalankan dengan lancar.
- e. Integrasi Nasional
 - i. Menyelia dan memastikan program kesedaran terhadap integrasi nasional.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Pegawai-pegawai jabatan.

Luaran

- a. Kementerian/ Jabatan kerajaan di peringkat Persekutuan.

- b. Kementerian Dalam Negeri (PDRM, RELA, Jabatan Imigresen, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan).
- c. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM).
- d. Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan.
- e. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- f. Kementerian Pengajian Tinggi.
- g. Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- h. Malaysia Crime Prevention Council (MCPF).
- i. Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO).
- j. Institusi-institusi keagamaan.
- k. Agensi swasta.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat
 - i. Kawasan Rukun Tetangga.
 - ii. Pusat Pengajian Tinggi/ Sekolah-sekolah.
 - iii. Rumah-rumah Ibadat.
 - iv. Kawasan-kawasan berisiko tinggi.
 - v. Agensi-agensi kerajaan dan swasta berkenaan.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- 7.1 Berkelulusan Diploma/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang diiktiraf dengan keutamaan dalam bidang perpaduan, hubungan etnik dan kemasyarakatan.
- 7.2 Berkemampuan untuk mengumpulkan khalayak pelbagai kaum dalam program/majlis.

- 7.3 Berkeupayaan bertindak sebagai mediator komuniti yang mampu menyelesaikan konflik, pemacu dan agen penggerak perpaduan.
- 7.4 Berkebolehan untuk mengesan, mengumpul, menganalisis dan mengenalpasti iklim perpaduan serta berupaya merancang langkah-langkah pencegahan.
- 7.5 Berkemahiran dalam penggunaan perisian elektronik seperti e-RT, e-SRS, e-Tabika, e-sepakat, e-IDRT, microsoft word dan sebagainya.
- 7.6 Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan lain-lain dialek serta mampu menyampaikan maklumat/dasar kerajaan yang jelas kepada komuniti setempat.
- 7.7 Berkebolehan dalam menulis laporan reaksi/risikan yang berkualiti.
- 7.8 Berkebolehan mengendalikan pengoperasian Skim Rondaan Sukarela (SRS) berlandaskan Peraturan-peraturan Perlu Rukun Tetangga 1975 Pindaan 1988.
- 7.9 Berkebolehan menjalinkan jaringan dan kerjasama pintar dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan pihak-pihak swasta.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Bertanggungjawab.
- b. Integriti.
- c. Kualiti.
- d. Profesionalisme.
- e. Berdaya tahan (sanggup bekerja luar waktu pejabat termasuk hujung minggu dan cuti umum).
- f. Disiplin.
- g. Menepati masa.
- h. Mesra.
- i. Bekerjasama dan kerja berpasukan.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Penglibatan dengan penyertaan orang awam dan publisiti.
- b. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat (hujung minggu dan cuti umum).
- c. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- d. Berhadapan dengan kumpulan masyarakat yang agresif.
- e. Berhadapan dengan masyarakat yang berfahaman politik berbeza.
- f. Berhadapan dengan masyarakat yang fanatik terhadap agama.
- g. Pelaporan maklumat yang tidak tepat melalui media elektronik dan media cetak.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia. Surat Rujukan: Bil (21) dlm.KKM-61 (1969) Jld.3 bertarikh 24 Mei 2010.
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Surat Rujukan: JPNIN.02/597/11 (AEP) Klt.23 (36) bertarikh 27 Mei 2010.